

24 JAN 2002

Chong-PBS/I

KINI MASA UNTUK BEKERJA, KATA CHONG

KOTA KINABALU, 24 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat hari ini berkata setiap orang kini perlu menumpukan perhatian pada tugas masing-masing setelah persoalan politik sama ada Parti Bersatu Sabah (PBS) diterima semula dalam Barisan Nasional (BN), sudahpun terjawab.

Ditanya sama ada akan berlaku perubahan dalam komposisi kabinet negeri, beliau berkata tidak ada rancangan untuk itu setakat ini.

"Tetapi ada rancangan untuk setiap orang memberitahu penduduk di peringkat akar umbi mengenai perlunya perpaduan," katanya kepada pemberita di Lapangan terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sekembalinya daripada menghadiri mesyuarat dewan tertinggi BN di Kuala Lumpur semalam.

Mesyuarat semalam yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membincang dan meluluskan permohonan PBS untuk kembali ke pangkuan BN.

Ditanya mengenai mesyuarat itu, Chong yang juga pengerusi BN Sabah berkata: "Ia sangat baik...setiap orang sudah menyuarakan pandangan mereka (mengenai permohonan oleh PBS) sebelum ini dan semalam, mereka hanya menyokongnya."

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (UPKO) Tan Sri Bernard Dompok berkata langkah mana-mana parti untuk menyertai BN mestilah dilihat sebagai usaha untuk memperkukuhkan gabungan itu.

Dompok yang juga Menteri Dijabatan Perdana Menteri berkata sekarang adalah masa untuk BN memandang hadapan, tanpa menoleh ke belakang dan dengan itu mampu menumpukan perhatian kepada kerja.

Ditanya sama ada kemasukan semula PBS akan menyebabkan parti-parti komponen BN yang berasaskan Kadazandusun yang diketuai bekas pemimpin PBS dahulu kini tidak lagi relevan, Dompok berkata, ia tidak sepatutnya berlaku.

"Jika kamu lihat apa yang berlaku sejak tujuh tahun lepas, parti-parti ini sudah berjaya mengukuhkan kedudukannya sendiri... tidak timbul persoalan mereka tidak diperlukan lagi.

"Ini sudah pasti satu sudut yang BN perlu berhati-hati bagi memastikan tidak berlaku perpecahan yang boleh menjurus kepada BN menghadapi masalah dalaman," katanya.

-- BERNAMA

JS LAT